

# Pembangunan pendidikan diperhatikan

**SIPITANG:** Kerajaan di bawah Barisan Nasional (BN) memberikan perhatian yang serius terhadap pembangunan pendidikan di negeri ini.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Sapawi Haji Ahmad berkata, kesungguhan itu dapat dilihat dengan penubuhan dan pembukaan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Penubuhan UMS memberikan ruang yang luas kepada para pelajar di negeri ini untuk menikmati pendidikan yang lebih tinggi," katanya ketika merasmikan penuutan majlis Titian Muhibbah di Sipitang dekat sini Jumaat lalu.

Beliau berkata, pembangunan pendidikan bukan sekadar turut ditumpukan di kawasan bandar tetapi juga di kawasan luar bandar.

Katanya, kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar.

Menurutnya, kerajaan sentiasa berusaha untuk mengimbangi pembangunan pendidikan di kawasan bandar dan juga luar bandar.

"Pembangunan pendidikan bukan sekadar tertumpu kepada kawasan bandar tetapi juga kawasan



SAPAWI (tengah) menyampaikan hadiah kepada salah seorang penduduk kampung yang menyertai sukanaka yang dianjurkan

luar bandar kerana kerajaan mahu melahirkan generasi yang cemerlang dalam pendidikan sebagai pendukung utama kepada Wawasan 2020," kata-nya lagi.

Sapawi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sipitang seterusnya melahirkan harapan agar kehadiran mahasiswa yang menyertai program tersebut dapat memberikan kesedaran terhadap pentingnya pendidikan.

Beliau berkata, kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara tidak menghalang kepada usaha untuk menumpukan kepada pembangunan pendidikan dilaksanakan secara berterusan.

Katanya, langkah

itu dilakukan kerana kerajaan sedar terhadap kepentingan pendidikan yang dapat memastikan kemantapan sesebuah negara.

Sehubungan dengan itu beliau berkata, usaha untuk memberikan kesedaran terhadap pentingnya pendidikan di kalangan masyarakat luar bandar hendaklah ditumpukan.

Katanya, tanggungjawab itu bukan sekadar dipikul oleh kerajaan tetapi juga oleh golongan mahasiswa.

"Golongan mahasiswa hendaklah turut membantu memberikan kesedaran kepada masyarakat luar bandar tentang pentingnya pendidikan," katanya lagi.

Sapawi berkata, program anak angkat yang melibatkan mahasiswa merupakan program yang membuka ruang seumpama itu.

Katanya, kehadiran mahasiswa mene-rusi program itu akan dapat memberikan dorongan kepada para pelajar di kawasan luar bandar yang amat memerlukan sokongan motivasi bagi mencatatkan cemerlangan dalam pendidikan.

Titian Muhibbah yang melibatkan mahasiswa dari UMS dianjurkan oleh Biro Kebajikan dan Kemasayarakatan Persatuan Mahasiswa UMS dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara Sabah.